

KEYAKINAN DAN KESELESAAN 2 Elemen Pengaruhi Pengiraan ZAKAT ASB



ISU berkaitan dua pandangan yang berbeza dalam menentukan status pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) secara tidak langsung memberikan implikasi terhadap kaedah pengiraan zakat yang perlu dikeluarkan.



Ahmad Husni Abd Rahman

Sekalipun kadar wajib zakat ditetapkan pada 2.5 peratus daripada jumlah simpanan yang mencukupi nisab, (RM11,308 - kadar nisab bagi tahun 2015) tidak berubah, namun kaedah pengiraannya sedikit berbeza berbanding pembayaran zakat-zakat yang lain. Hal ini kerana ia melibatkan sejauh mana keyakinan dan keselesaan seseorang terhadap status saham ASB yang menimbulkan perdebatan dan polemik dalam masyarakat.

Al Islam keluaran Januari telah membincangkan status saham ASB bersandarkan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia berserta beberapa hujah yang mengharuskan seseorang melabur di dalamnya.

Dan yang pasti serta tidak kurang pentingnya, ijihad dalam mengeluarkan keputusan mengharuskan pelaburan ASB dibuat bersandarkan beberapa hujah yang kuat dengan mengambil kira beberapa implikasi yang akan timbul khususnya berkaitan kedudukan ekonomi umat Islam di negara ini.

Sekali gus dengan mengambil kira pandangan beberapa tokoh daripada pelbagai bidang yang dijemput dalam muzakarah tersebut, antara alasan yang mengharuskan pelaburan ASB ialah bagi memantapkan penguasaan ekonomi umat Islam di negara ini. Andainya ia tidak dilakukan, maka ekonomi orang Melayu Islam khususnya akan jauh ketinggalan berbanding bangsa lain. Keadaan ini juga akhirnya akan menggugat kesucian agama Islam. Hal ini diakui oleh Mufti Negeri Perak, Tan Sri Datuk Dr. Harussani

Zakaria dalam satu temu bual bersamaanya.

Pun begitu dalam masa yang sama, Permodalan Nasional Berhad (PNB) perlu melantik jawatankuasa syariahnya dan ia telah pun dilakukan pada 2008 lagi. Bukan itu sahaja, hasil daripada usaha yang dilakukan oleh PNB dalam mengurangkan peratusan modal pasaran yang tidak patuh syariah dari semasa ke semasa telah membuka satu dimensi baru dalam sistem perbankan apabila Maybank menuahkan anak syarikatnya, Maybank Islamic. Semuanya rentetan daripada usaha yang dilakukan oleh PNB dalam memastikan matlamatnya untuk mengurangkan pasaran modal tidak patuh syariah dapat direalisasikan.

Apa pun berbalik pada isu di atas, perbezaan pandangan berkaitan hukum melabur dalam ASB, sememangnya wujud. Dan hakikatnya, perbezaan itu diraiakan. Namun adab dan etika perbezaan pandangan harus dihormati agar masyarakat Islam tidak keliru sekali gus menimbulkan persepsi yang buruk pada pihak lain.

Yang penting, perbezaan pandangan itu tidaklah sampai mengikat masyarakat untuk menerima satu pandangan sahaja dan menolak secara total pandangan yang lain. Hal seumpama itu harus dijaga demi keharmonian umat Islam.

KAEDAH KIRAAN ZAKAT

Dalam pada itu merujuk kaedah pengiraan zakat ASB, Pegawai Eksekutif Zakat, Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), Ahmad Husni Abd Rahman menjelaskan, memandangkan terdapat

dua pandangan berkaitan hukum pelaburan berkenaan, maka kaedah pengiraan pembayaran zakat ke atas simpanan pokok dan dividen yang diterima sudah tentulah berbeza.

Ujarnya, masyarakat Islam tidak boleh membandingkan PNB dengan Tabung Haji apabila mempersoalkan inisiatif yang diambil oleh Tabung Haji untuk memotong terus zakat daripada modal yang dilaburkan dalam institusi berkenaan sedangkan ia tidak berlaku pada pelaburan yang dilaburkan dalam saham-saham yang ditawarkan oleh PNB.

Tambahnya lagi, antara Tabung Haji dan PNB, masing-masing mempunyai struktur yang berbeza. Dan sudah tentulah pengurusannya juga berbeza. Sebagai contoh, boleh dikatakan pendeposit juga merangkap pelabur di Tabung Haji adalah orang Melayu Islam. Dan hal ini membolehkan potongan zakat perniagaan dibuat terus. Sedangkan di PNB melalui saham-saham yang ditawarkan, sekalipun ia melibatkan pelaburan bumiputera, namun tidak semua bumiputera itu Islam. Justeru, wujud kesulitan dalam membuat potongan terus zakat ke atas saham-saham yang ditawarkan.

Apatah lagi, apabila wujud dua pandangan yang berbeza dan masyarakat Islam bebas untuk memegang mananya daripada dua pandangan tersebut, justeru, wujud kesukaran pihak PNB untuk mengambil inisiatif memotong terus zakat daripada modal-modal yang dilaburkan. Ini kerana, apabila pembayaran zakat hendak dilakukan, ada dua kaedah yang digunakan.

Ujar Ahmad Husni, bagi mereka yang berpegang bahawa pelaburan dalam ASB itu harus, maka peng-



raan zakatnya dikira daripada jumlah simpanan terendah tahun tersebut. Memandangkan dividen diumumkan pada tahun berikutnya, misalnya bulan Januari 2015, maka ia akan dikira sebagai simpanan bagi tahun semasa. Dan apabila tiba hujung tahun, maka 2.5 peratus daripada baki terendah wajib dikeluarkan zakat. Dan begitulah untuk tahun-tahun berikutnya.

Namun berbeza pula bagi mereka yang mengambil pandangan bahawa saham ASB tidak patuh syariah. Maka zakat hanya dikenakan ke atas simpanan terendah sahaja setelah ditolak berkenaan, maka pengiraan zakatnya bergantung pada keyakinannya yang terakhir. Misalnya untuk tahun 2014, dividen sebanyak RM2,000. Dividen yang diperoleh dimasukkan pada Januari 2015. Apabila tiba hujung tahun 2015, maka pengiraan zakatnya hanya mengambil kira jumlah baki terendah setelah ditolak jumlah dividen yang telah dimasukkan pada Januari 2015. Manakala bagi dividen yang diterima pula, ada dua cara boleh dilakukan iaitu mengeluarkan jumlah dividen berkenaan, dan serahkan kepada baitulmal untuk diagihkan kepada

fakir miskin. Atau, pelabur juga boleh mengagihkannya sendiri kepada golongan tersebut.

Bagaimana pula dengan mereka yang pada awalnya berpegang pada hukum harus tersebut tetapi di akhirnya memilih untuk lebih selesa dan percaya kepada hukum tidak patuh syariah?

Menjawab persoalan ini Ahmad Husni menjelaskan, apa juar pandangan yang diambil dan biasanya bersandarkan kepada keselesaan dan kepercayaan serta keyakinan individu berkenaan, maka pengiraan zakatnya bergantung pada keyakinannya yang terakhir.

Misalnya untuk tahun 2014, dividen sebanyak RM2,000. Dividen yang diperoleh dimasukkan pada Januari 2015. Apabila tiba hujung tahun 2015, maka pengiraan zakatnya hanya mengambil kira jumlah baki terendah setelah ditolak jumlah dividen yang telah dimasukkan pada Januari 2015. Manakala bagi dividen yang diterima pula, ada dua cara boleh dilakukan iaitu mengeluarkan jumlah dividen berkenaan, dan serahkan kepada baitulmal untuk diagihkan kepada

Pun begitu, setiap pelabur harus mengetahui, setiap potongan zakat yang dibuat akan mendapat rebet daripada Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN). **A**